

Jauhi sifat ekstremis, semarak api perkauman dalam negara

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Julai 20, 2023 @ 5:10pm
bhnews@bh.com.my



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perlادangan dan Komoditi, Datuk Seri Fadillah Yusof. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Rakyat negara ini digesa menjauhi sifat ekstremis yang menabur fahaman perpecahan serta menyemarakkan api perkauman sehingga boleh mencetuskan suasana tidak harmoni dalam negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata, titah Yang di-Pertuan Agong supaya nilai perpaduan dijadikan aset negara demi menjamin masa depan hendaklah dihayati semua pihak.

Beliau yang juga Pengurus Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN), berkata ini termasuk mengurangkan jurang perbezaan antara rakyat negara ini dan rumah dijadikan atas permulaan amalan perpaduan.

"Titah Baginda mengenai tiga perkara utama ini meletakkan perpaduan sebagai perkara asas dan perlu diberi tumpuan khusus.

"Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama ahli MPPN memikirkan usaha yang perlu dilaksanakan sejajar dengan kerangka perpaduan baharu dibangunkan Kementerian Perpaduan Negara berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaiannya bagi merealisasikan aspirasi Malaysia Madani," katanya dalam kenyataan hari ini.

Perkara itu antara dibincangkan menerusi Mesyuarat MPPN kali pertama hari ini, yang ditubuhkan sebagai usaha bagi menasihati kerajaan dalam hal ehwal perpaduan serta membincangkan isu perpaduan dan usaha penyatuan nasional dari pelbagai sudut.

Ini termasuk mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada kerajaan untuk memastikan perpaduan negara terus dipelihara supaya masyarakat negara ini dapat menikmati kehidupan aman, sejahtera dan harmoni.

Pada masa sama, MPPN turut membincangkan dan berkongsi mengenai hasil kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), Kerangka Perpaduan Malaysia Madani dan cadangan pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

Selain itu ialah cadangan pelaksanaan lafadz penuh ikrar Rukun Negara dalam majlis rasmi kerajaan, sekolah serta institut pengajian tinggi seluruh negara.

"Mesyuarat ini juga mendapatkan maklum balas daripada ahli-ahli MPPN mengenai usaha dan inisiatif baharu yang telah dilaksanakan dalam memperkasa agenda perpaduan nasional.

"Ia turut menumpukan kepada pelaporan mengenai pelaksanaan program yang sedang dan akan dilaksanakan kementerian di bawah flagship Kembara Perpaduan merangkumi tiga kluster utama iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Program Komuniti Rahmah," katanya.